

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

PM lantik Syed Nasir Pengerusi Pusat Membaca al-Quran

KUALA LUMPUR, Rabu. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah melantik semula Tan Sri Syed Nasir Ismail sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan.

Ini adalah kali ke 15 beliau dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut sejak Musabaqah Membaca Quran diadakan.

Ketika mengesahkan perantikan tersebut, Tan Sri Syed Nasir yang juga Speaker Dewan Rakyat memberitahu, Musabaqah Membaca al-Quran yang akan diadakan nanti untuk peringkat kebangsaan bagi ke 24 dan peringkat antarabangsa pula ialah yang ke 23.

Seperti biasa musabaqah di peringkat antarabangsa akan diadakan di Kuala Lumpur dan peringkat kebangsaan akan bertukar-tukar ke negeri-negeri kiranya ada negeri yang sanggup menjadi tuanrumah.

Menurutnya, mesyuarat di antara wakil-wakil Kerajaan Negeri dengan Jawatankuasa Pusat akan diadakan tidak lama lagi bagi memutuskan negeri yang sanggup menjadi tuanrumah.